

Pemeriksaan mengejut di pejabat Al Jazeera

Polis turut periksa Astro, syarikat media siar dokumentari fitnah Malaysia

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) melakukan pemeriksaan mengejut di pejabat stesen penyiaran antarabangsa, Al Jazeera, di sini, semalam.

Selain Al Jazeera, PDRM dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menjalankan pemeriksaan di Astro serta sebuah lagi syarikat media yang turut menyiaran dokumentari berjudul *Locked Up in Malaysia's Lockdown*.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata pemeriksaan dibuat selepas pihaknya menerima waran un-

tuk berbuat demikian daripada mahkamah.

"Serbuan dijalankan pada tengah hari tadi (semalam) oleh sepasukan pegawai dan anggota dari Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) Bukit Aman.

"Pemeriksaan dilakukan bagi mengesas segala dokumen diperlukan dan rakaman atau bahan yang boleh membantu siasatan polis," katanya kepada BH, semalam.

Difahamkan, Bukit Aman akan mengeluarkan kenyataan rasmi berserta maklumat penuh mengenai pemeriksaan itu dalam masa terdekat.

Sebelum ini, polis dilaporkan memulakan siasatan terhadap stesen televisyen antarabangsa terbabit susulan penyiaran dokumentari yang antara lain mendakwa layanan buruk Malaysia terhadap warga asing ketika berusaha mengekang penularan COVID-19.

Sementara itu, dakwaan Ahli Parlimen pembangkang bahawa imej negara terjejas susulan

tindakan terhadap Al-Jazeera termasuk menyerbu pejabat operasinya di ibu negara, ditangkis oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah.

Isu berkenaan dibangkitkan ketika menteri berkenaan menggulung perbahasan usul menjunjung kasih titah diraja bagi pihak kementeriannya di Dewan Rakyat, semalam.

Teresa Kok (DAP-Seputeh) dalam celahannya mendakwa tindakan terhadap media itu menjasksan imej negara, namun disangkal Saifuddin yang kembali menyatakan sama ada kerajaan atau dokumentari Al-Jazeera bertajuk *Locked Up in Malaysia's Lockdown* itu sendiri yang mencemari nama Malaysia.

"Ini bukan jawapan undang-undang, ini jawapan politik. Kita harus ingat simbiosis akibat COVID-19 yang terjalin antara barisan hadapan dan rakyat.

"Apabila ada orang asing mengusik barisan hadapan, ini yang dikatakan cubit paha kiri

paha kanan terasa.

"Siapa yang menjasksan imej negara, dokumentari itu atau siapa?" katanya.

Dalam pada itu, Al Jazeera dalam satu kenyataan mengcam tindakan PDRM dan memaklumkan dua komputer turut dirampas menerusi serbuan berkenaan.

"Serbuan dilakukan selepas pihak berkuasa Malaysia mengumumkan sedang menyiasat dokumentari berjudul *Locked Up in Malaysia's Lockdown* yang dikatakan mempunyai unsur fitnah, hasutan serta melanggar Akta Komunikasi dan Multimedia.

"Dokumentari itu turut disiasat kerana laporan yang mengkritik kaedah layanan pihak berkuasa tempatan terhadap warga asing bagi mengawal penularan COVID-19.

"Polis juga sudah merakam keterangan tujuh kakitangan Al Jazeera. Kerajaan Malaysia mengkritik laporan Al Jazeera sebagai tidak tepat, mengeliru-



Pemeriksaan dilakukan bagi mengesas segala dokumentari diperlukan dan rakaman, bahan yang boleh membantu siasatan polis.

**Huzir Mohamed,
Pengarah JSJ Bukit Aman**

kan dan tidak adil.

"Al Jazeera menolak dakwaan itu dan berpegang teguh terhadap kualiti dan saksama inti pati laporan berkenaan," katanya.

Pengarah Urusan Al Jazeera English, Giles Trendle pula berkata PDRM wajar menghentikan siasatan terhadap wartawan agensi media antarabangsa itu.